

Headline	Animation Centre MSC Malaysia builded (Pusat Animasi MS...)		
Date	10. Mar 2007	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	2
Section	Dlm Negeri	Article Size	377 cm <sup>2</sup>
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



# Pusat Animasi MSC Malaysia ditubuh



NAJIB Tun Razak menyerahkan sumbangan kepada Imam Besar Masjid Utama Komuniti Muslim Seoul, Sulaiman Lee selepas menunaikan solat Jumaat di masjid itu, semalam.

Daripada ZULKIFLI ABDULLAH

Headline Animation Centre MSC Malaysia builded (Pusat Animasi MSC Malaysia ditubuh)  
Date 10. Mar 2007  
Media Title Utusan Malaysia

**SEOUL 9 Mac –** Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan penubuhan Pusat Animasi Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia dalam usaha memperluas aplikasi bidang animasi digital berkomputer dengan matlamat menembusi pasaran global multimedia kreatif bernilai lebih RM2 trilion (AS\$600 bilion).

Dengan mengambil kira kemajuan dan pasaran luas industri animasi grafik itu di negara ini, Timbalan Perdana Menteri memberitahu, pusat animasi itu yang diletakkan dalam Pusat Pembangunan Aplikasi Kreatif sedia ada di MSC, Cyberjaya akan memperluaskan skopnya meliputi kerja-kerja animasi.

Katanya, Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDec) juga akan membuka pejabat perwakilan di bandar raya ini dalam tempoh terdekat untuk memudahkan kerjasama antara syarikat-syarikat Malaysia dan negara ini.

“Pusat animasi itu yang akan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kerja-kerja penyuntingan dan audio serta membuat program,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian bersama antara agensi dan syarikat Malaysia dengan Korea Selatan berkaitan dengan pembangunan dalam bidang animasi grafik.

Pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) dan persetujuan itu dibuat sempena lawatan beliau ke Korea Selatan yang bermula semalam bagi menjalinkan kerjasama dan menjadi platform untuk bertukar-tukar teknologi serta maklumat dalam bidang multimedia kreatif di samping melihat potensi pembangunan produksi kreatif di negara ini.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri menyaksikan pemeteraian tiga perjanjian bersama Persatuan Inovasi dan Kreatif Bumiputera (BAIC) dengan SAMG Animation; Elemental Ventures dan Sunmin Image Picture Co. Ltd., manakala MIMOS (Mimos Berhad) pula bertukar-tukar dokumen MoU dengan Institut Penyelidikan Telekomunikasi dan Elektronik Korea.

Pada majlis yang sama, Timbalan Perdana Menteri juga menyaksikan pemeteraian perjanjian memorandum perjanjian (MoA) antara syarikat MyGo Solutions dengan SOT-NEW Co. Ltd. dari Korea.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Jamaludin Jarjis; Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, Pengurus Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDec), Tan Sri Halim Ali dan Presiden Korea Culture and Content Agency (KOCCA), Suh Byung-moon.

Najib optimis, bidang animasi grafik mempunyai potensi untuk menembusi pasaran antarabangsa menerusi kerjasama itu dan

Headline Animation Centre MSC Malaysia builded (Pusat Animasi MSC Malaysia ditubuh)  
Date 10. Mar 2007  
Media Title Utusan Malaysia

perkongsian kepakaran produksi dengan Korea, yang menunjukkan penghasilan kerja bermutu sejak menceburinya pada 2001.

"Penubuhan pusat animasi itu diwujudkan selepas berbincang dengan Datuk Jamaludin Jarjis sejajar dengan kesedaran terhadap pembangunan bidang tersebut yang mempunyai potensi untuk menembusi pasaran antarabangsa yang bernilai AS\$600 bilion sekarang," katanya.

Sehubungan itu, tambah beliau, pembangunan MSC pada fasa seterusnya akan memberi tumpuan kepada pembangunan dalam bidang tersebut termasuk dari infrastruktur, rangka kerja dan aspek perundangan bagi membolehkan syarikat-syarikat Malaysia berstatus MSC mengeluarkan kerja-kerja animasi untuk kepérluan global sama ada berbentuk hiburan atau permainan yang merangkumi aspek budaya sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berpendapat, penghasilan kartunis Lat menerusi karyanya *Kampung Boy* boleh diusahakan sebagai asas untuk menerokai bidang itu selepas kejayaan animasi tiga dimensi (3D) *Saladin* yang menangi anugerah SICAF Animation Pitch 2006, Seoul, Korea pada tahun lalu.

Terdahulu, pada sebelah pagi, Najib dan rombongan dari Malaysia menghadiri mesyuarat antara MDec dan KoCCA di sebuah hotel di sini yang turut dihadiri oleh Jamaludin dan Presiden merangkap Ketua Pegawai

Eksekutif KOCCA, Suh Byung-moon.

Timbalan Perdana Menteri turut melawat Pusat Animasi Seoul dan menyaksikan pemeterian MoU antara MDec yang diwakli oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Badlisham Ghazali dan Agensi Perniagaan Seoul, diwakli oleh Presidennya, Oh Namkwon.

Najib kemudiannya menuaikan solat Jumat di Masjid Utama Komuniti Muslim di sini dan mengadakan pertemuan dengan ahli jawatankuasa masjid berkenaan serta menyampaikan sumbangan.

Pada sebelah malam, beliau menghadiri majlis makan malam bersama pemangku Perdana Menteri Korea Selatan, Kwon Ok-yu di Hotel Lotte, di sini.

- **Utusan**